

BAB LIMA
KESIMPULAN

5.1 Kesimpulan

Sedar atau tidak, perbincangan tentang Tuhan bukan sahaja dibicarakan di lapangan akademik yang menyumbang kepada turus-turus akidah, malah dibicarakan oleh setiap manusia yang normal sama ada mereka berkecenderungan membicarakannya atau tidak. Gambaran ini membawa kepada persoalan; mengapakah mereka berbuat demikian, apakah fitrah mengenal Tuhan itu sedia kala wujud dalam diri insani atau tercetus dek situasi? Semuanya masih kabur dari kaca mata ateis namun begitu mereka berpandangan, setiap manusia layak mempunyai persepsi tersendiri tentang Tuhan yang mereka sembah.¹

Kemunculan aliran pemikiran atau dalam Bahasa Arab disebut '*madhahib al-'aqidiyyah*' adalah rentetan daripada persepsi tersendiri tentang Tuhan. Setiap daripada aliran ini mempunyai huraian tersendiri, yang berbeza di antara satu dengan yang lain. Ada yang dikatakan bermanhaj zat (*al-dhatiyyah*) dengan menafikan sifat Allah SWT. Menentanginya ialah yang bermanhaj sifat (*al-sifatiyyah*) dan ada yang tidak bermanhaj dengan mana-mana manhaj yang disebutkan.

Penjelasan tentang Tuhan yang disembah tidak sepatutnya berasaskan persepsi bahkan wajib dan perlu berasaskan wahyu. Jika diberi ruang akal untuk memahami tentang Tuhan sekalipun, ruang itu terhad dan dibatasi oleh batas-batas tertentu. Inilah asas yang mendasar dalam makrifah Allah SWT menurut kefahaman *madhhab ahl al-haq*; Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Kefahaman ini juga menjadi dasar aliran pemikiran yang lain, akan tetapi ia sekadar teriakan dan dakwaan. Dalam konteks kajian yang dilakukan ini, teriakan dan dakwaan itu merujuk kepada teriakan dan dakwaan Syiah al-Ithna 'Ashariyyah. Kesimpulan-kesimpulan berikut memperincikannya.

¹ Chuck D. Pierce with John Dickson, *The Worship Warrior* (U.S.A: Gospel Light Worldwide, 2002), 48-49.

5.1.1 Ketuhanan Dalam Tema-Tema Pemikiran *Al-Ilahiyyat* Dalam *Al-Kafi* Tidak Merujuk Ketuhanan Allah SWT

Tema-tema pemikiran *al-ilahiyyat* yang dihadangkan dalam *al-Kafi* amat jauh menerangkan ketuhanan Allah SWT. Permulaannya, pada menerangkan tentang zatNya, penafian terhadap tiga perkara iaitu kaifiat, keberadaan dan kebolehinderawian, telah cuba menafikan perkara-perkara yang sabit di dalam wahyu dan induksi akal, iaitu *hal* bagi Allah SWT, hakikat tempat bagi Arasy dan keupayaan akal memakrifah Allah SWT.

Seterusnya juga dalam tema-tema yang menerangkan tentang makrifah Allah SWT yang mengisbatkan kesesuatuanNya, memaknakan nama-namaNya dan mengasiomatikkan makrifahNya. Semua perkara ini juga menjurus membatalkan konsep-konsep ketuhanan Allah SWT yang terdapat di dalam al-Qur'an dan disepakati oleh jumhur ulama'. Iaitu penentuan lafaz 'Allah' sebagai nama khas bagi zat Allah SWT, menyepakati penentuan al-Qur'an terhadap nama-nama Allah SWT yang disebutkan sebagai *al-Asma' al-Husna* dan memperakui *al-nazr* yang sah, sebagai metode makrifah yang dianjurkan oleh al-Qur'an.

Begitu juga dengan tema-tema yang menerangkan tentang sifat Allah SWT yang melibatkan pembahagian kepada sifat zat, sifat perbuatan Allah SWT dan penyabitan *al-bada'* sebagai perantaraan sifat-sifat tersebut. Perkara-perkara ini bukan sahaja menyalahi petunjuk wahyu dan induksi akal yang sihat malah manhaj pendalilannya mengelirukan. Penentuan sifat zat Allah SWT sebagai zatNya yang menafikan tiga perkara; pertama, baharu sifat zat, kedua, konsep sifat tambahan ke atas zat dan ketiga, kaitan Allah SWT dengan makhluk. Penafian ini mencetuskan kekeliruan apabila sifat perbuatan Allah SWT pula disifatkan sebagai sandaran atau nisbah, dengan alasan sifat perbuatan tersebut baharu dan tidak secara hakikat berkait dengan Allah SWT bahkan lebih berkait dengan makhluk. Pembahagian sifat zat dan perbuatan Allah SWT ini

menjelaskan wujud pemisahan antara kedua-duanya. Namun apabila menyentuh permasalahan penguasaan Allah SWT ke atas makhluk, sifat-sifat yang dikategorikan sebagai sifat zat Allah SWT dibolehkan pula bertukar kepada sifat perbuatan Allah SWT – pertukaran qadim kepada baharu! Apabila ditanyakan bagaimana dibolehkan pertukaran tersebut, jawapannya adalah melalui *al-bada'*. Kekeliruan ini bertambah apabila ditanyakan pula; bagaimana *al-bada'* menukarkan sifat-sifat Allah SWT itu? Jawabnya secara aksiom!

Apa yang boleh disimpulkan terhadap tema-tema *al-ilahiyyat* dalam *al-Kafi* ialah, ketuhanan yang diperkatakan di dalamnya adalah bukan ketuhanan Allah SWT mengikut tatanan al-Qur'an dan hadis Rasulullah SAW. Biar pun al-Kulayni menyatakan bahawa tema-tema itu dibina di atas panduan para imam dan ia bersifat nas, tuntasnya, nas itu bukan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah SAW. Bahkan apabila diteliti, tema-tema *al-ilahiyyat* dalam *al-Kafi*, tidak lebih daripada gagasan konseptual yang dibina di atas manhaj akliyah yang berlatarbelakangkan pemikiran *i'tizali*.

5.1.2 Manhaj Al-Mu‘tazilah Membina Tema-Tema Pemikiran *Al-Ilahiyyat* Dalam *Al-Kafi*

Tidak dapat diselindungi lagi bahawa tema-tema pemikiran *al-ilahiyyat* dalam *al-Kafi* dibina di atas manhaj akliyah aliran al-Mu‘tazilah. Mereka telah mendahului al-Kulayni dalam penerapan konsep-konsep yang beliau kemukakan dalam *al-Kafi* yang mana buktinya boleh dilihat pada dua perkara; pertama, keperincian konsep-konsep *al-ilahiyyat* dan kedua, tokoh-tokoh al-Mu‘tazilah terlebih dahulu mengemukakan konsep-konsep tersebut.

Berkenaan dengan tokoh-tokoh al-Mu‘tazilah terlebih dahulu mengemukakan konsep-konsep *al-ilahiyyat* daripada al-Kulayni, ini boleh dilihat daripada kronologi sejarah, bagaimana bermulanya cedokan Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah terhadap pemikiran al-Mu‘tazilah.

Dr. Ahmad Subhi menyatakan, kesepaduan aliran Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah bersama al-Mu‘tazilah bermula pada zaman penubuhan madrasah *al-i‘tizaliyyah* di Baghdad atau tepatnya pada zaman Bishr bin al-Mu‘tamar (m. 210H).² Beliau telah membuka lebaran baru pentafsiran terhadap dasar-dasar pegangan al-Mu‘tazilah yang mana pentafsiran tersebut cenderung ke arah *tashayyu‘*.

Sejumlah fahaman baru disebutkan oleh Bishr dan pengikutnya, seperti kelebihan ‘Ali RA ke atas para Sahabat RA dalam pimpinan; penghinaan ke atas Sahabat RA yang terlibat dengan perang *Jamal*; berlepas tangan daripada keputusan Mu‘awiyah dan ‘Amru RA; dan memperkatakan permasalahan *imamah*. Fahaman-fahaman ini pula disulami dengan kerancuan iktikad yang sedia ada dalam diri Bishr seperti, wasiat

² Beliau ialah Abu Sahl Bishr bin al-Mu‘tamar al-Hilali. Dibesarkan di Kufah dan pada ketika inilah dikatakan beliau terkesan dengan fahaman Syiah. Mendapat didikan daripada ilmuwan al-Mu‘tazilah seperti ‘Uthman al-Za‘farani, Bishr bin Sa‘id, Mu‘ammar bin ‘Abbad al-Salmi dan lain-lain. Lihat Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani, *Lisan al-Mizan*, ed. ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah (Beirut: Dar al-Basha‘ir al-Islamiyyah, 2002), 2: 33. Lihat juga Ahmad Mahmud Subhi, *Fi ‘Ilm al-Kalam: dirasah falsafiyah li ara‘ al-firq al-Islamiyyah fi Usul al-Din* (Beirut: Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah, 1985), 1: 265.

pewarisan; cahaya ketuhanan (*nur al-ilahi*) pada sulbi para imam; *al-bada'*; kebangkitan semula (*al-raj'ah*); makrifah imam perkara ghaib dan lain-lain. Semua perkara ini tidak pernah disebutkan oleh ilmuwan al-Mu'tazilah dari madrasah Basrah. Oleh sebab itu, Bishr dan pengikutnya daripada al-Mu'tazilah Baghdad digelar sebagai *mutashayyi'ah al-Mu'tazilah* (al-Mu'tazilah yang menjulang fahaman Syiah).³

Kemasukan fikrah Syiah ke dalam pemikiran al-Mu'tazilah diperakui oleh ilmuwan al-Mu'tazilah sendiri. Ibn al-Murtada semasa menyusun peringkat-peringkat (*al-tabaqat*) tokoh al-Mu'tazilah dalam *al-Muniyyah*, menjelaskan bahawa terdapat murid-murid kepada tokoh besar al-Mu'tazilah yang jelas *tashayyu'*, contohnya Abu 'Abd Allah al-Da'i dan Abu Ishaq 'Iyash, dua orang murid kepada Abu al-Husayn al-Basri. Al-Da'i dikatakan berketurunan *ahl al-bayt* amat cenderung kepada fahaman Syiah dalam mengagungkan 'Ali RA, sehingga memuatkan pengagungan tersebut di dalam tulisannya yang berjudul *al-tafdil wa ihsan fi ghayah al-ihsan*. Bahkan gurunya, Abu al-Husayn melarang pelajarannya yang lain berbicara dihadapan al-Da'i dua permasalahan; nas dan saham – *khumus* (bahagian satu perlima untuk imam) – di atas dasar menghormati al-Da'i. Sama halnya dengan 'Iyyash, beliau dikatakan telah menulis sebuah kitab berkenaan *imamah* al-Hasan dan al-Husayn, di atas rasa kecintaannya kepada kedua-duanya.⁴

Apa yang boleh disimpulkan terhadap manhaj tema-tema pemikiran *al-ilahiyyat* dalam *al-Kafi* ialah, manhaj tersebut adalah manhaj berasaskan akliyah semata-mata yang diasaskan oleh aliran al-Mu'tazilah. Ia mudah dikenal pasti berpandukan pendalilan dan indikasinya yang menyalahi petunjuk wahyu dan akal yang berpandukan wahyu. Malah pengenalpastian ini bertambah kukuh, apabila tema-tema dan manhaj pemikiran *al-ilahiyyat* dalam *al-Kafi* dinilai dan dikritik melalui manhaj yang berteraskan wahyu, iaitu manhaj yang dipelopori oleh Mazhab al-Asha'irah.

³ Ahmad Subhi, *Fi 'Ilm al-Kalam*, 1: 261.

⁴ Ahmad bin Yahya Ibn al-Murtada, *al-Muniyyah wa al-amal fi sharh kitab al-Milal wa al-Nihal*, ed. Tom Arnold (Beirut: Dar al-Sadir, 1316H), 63-64.

5.1.3 Penilaian Al-Asha‘irah Terhadap Tema-Tema Dan Manhaj Pemikiran *Al-Ilahiyyat* Dalam *Al-Kafi* Berpandukan Nakli Dan Akli.

Dalam menilai dan mengkritik tema-tema dan manhaj pemikiran *al-ilahiyyat* dalam *al-Kafi*, al-Asha‘irah telah mengaplikasikan metode pengabungan antara keterangan wahyu dan kontemplasi akal yang sah. Ia bertujuan mengadili hujah-hujah al-Kulayni dan al-Mu‘tazilah di samping menjelas serta menolak kesalahan yang dilakukan oleh kedua-duanya.

Apa yang terhasil, al-Asha‘irah berjaya menyelaras pemahaman tentang ketuhanan Allah SWT dengan petunjuk wahyu. Konsep-konsep *al-ilahiyyat* dalam pemikiran mereka seperti penyifatan *hal* sebagai sebahagian sifat Allah SWT, penyabitan Arasy sebagai makhluk dan tempat dan pengiktirafan daya akal memakrifah Allah SWT, adalah jawapan kepada konsep-konsep tauhid zat Allah SWT yang dikemukakan al-Kulayni.

Begitu juga konsep-konsep seperti penentuan *al-ism al-jalalah* sebagai nama khas bagi zat Allah SWT, menyepakati konsep *al-Asma' al-Husna'* dan mengisbatkan makrifah *al-iktisabi* sebagai metode makrifah Allah SWT, adalah jawapan kepada konsep-konsep tauhid makrifah Allah SWT di sisi al-Kulayni.

Selain itu, konsep-konsep seperti memberikan signifikasi kepada konsep sifat tambahan ke atas zat Allah, menyifatkan sifat perbuatan Allah SWT baharu dan menjadikan pemilihan *al-husn* berpandukan syarak, adalah jawapan kepada konsep-konsep tauhid sifat Allah SWT al-Kulayni.

Jawapan-jawapan ini menepati *murad* dan petunjuk wahyu – al-Qur’an dan al-Sunnah – dalam menjelaskan ketuhanan Allah SWT. Kuncinya terletak pada mengekalkan kefahaman yang langsung daripada keterangan wahyu, dan menyelitkan tafsiran akli terhadap keterangan tersebut yang boleh membawa kepada waham jika dikekalkan dalam bentuk zahirnya. Tafsiran sebegini bukanlah tafsiran yang ditegah

bahkan dianjurkan sendiri oleh al-Qur'an dan hadis Rasulullah SAW, malah para Sahabat RA serta ulama' *al-a'immah* mengaplikasikannya dalam tafsiran mereka terhadap keterangan wahyu berkenaan ketuhanan Allah SWT. Ia mungkin dipanggil *al-ta'wil* oleh ilmuwan khalaf, atau *al-tafwid* oleh ilmuwan salaf, atau *al-tafsili* dan *al-ijmali* oleh al-Asha'irah. Panggilan-panggilan ini berpandukan kepada metodologi dan perspektif ilmuwan-ilmuwan yang menggunakannya, ia bersifat manhaji. Fokusnya hanyalah satu, iaitu mengudus dan menyucikan Allah SWT daripada *al-ta'til* dan *al-tashbih* dengan makhluk. Dengan sebab ini, ulama'-ulama' dalam Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah tidak pernah mempunyai masalah dengan kaedah tafsiran keterangan wahyu tentang ketuhanan Allah SWT kerana mereka faham dan mengerti, manhaj tafsiran masing-masing mengobjektifkan pengagungan dan pengesaan Allah SWT.

Perkara ini diakui, dan salah satu misal perakuan tersebut ialah pengiktirafan tidak langsung daripada tokoh ilmuwan yang sering mendakwa dirinya bebas daripada manhaj al-Asha'irah, iaitu Imam Ibn Taymiyyah RH (m. 728H). Dalam mengkritik pemikiran Syiah, Ibn Taymiyyah tidak pernah terlepas daripada membayangi manhaj al-Asha'irah walaupun beliau hebat mengkritik mereka. Ibn Taymiyyah dikesan mengaplikasikan *minhaj* pendalilan dan indikasi yang diaplikasikan oleh al-Asha'irah dalam menilai prinsip-prinsip *imamah*. Begitu juga penilaian beliau dalam konteks yang lain, yang terhad untuk diperkatakan di sini.

5.2 Saranan

Mengunjungi kesimpulan-kesimpulan yang diterangkan lalu, beberapa saranan kajian yang dititipkan di sini.

5.2.1 Mengenal Akidah Syiah Al-Ithna ‘Ashariyyah Daripada Sumber Asalnya

Adalah menjadi keperluan mengenali akidah daripada sumber asalnya. Jika di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah, akidah tidak boleh sekadar bertaklid, ia wajib mengenal dalil dan tasawurnya bersumberkan al-Qur’an sama ada secara *al-ijmali* atau *al-tafsili*. Dalam konteks pengkajian ke atas pemikiran dan akidah aliran Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah, perkara yang sama perlu diaplikasikan ke atas pemikiran dan akidah aliran tersebut.

Apa yang ditemui, kesedaran pengkaji-pengkaji terhadap pemikiran akidah aliran Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah lebih rendah berbanding mengkaji tentang konsep-konsep yang tipikal dengan aliran tersebut seperti *imamah*, *‘ismah* para imam, *mut’ah* dan lain-lain. Apakah perkara ini disebabkan oleh faktor aksiomatiknya pemahaman pemikiran akidah atau mengenal *imamah*, *‘ismah* dan *mut’ah* itu lebih utama mengikut aliran Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah? Persoalan ini terjawab apabila kita melihat kepada manhaj dan konsep pemikiran akidah yang wujud dalam rujukan Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah, di sini *al-Kafi* diambil sebagai contoh.

Nas-nas berkaitan akidah yang terdapat dalam *al-Kafi* tidak lebih daripada penyalinan semula prinsip-prinsip akidah al-Mu‘tazilah yang disuntik unsur *tashayyu’*. Ini terbukti daripada analisis dan penilaian yang dilakukan oleh al-Asha‘irah, yang telah dimuatkan dalam bab empat kajian ini. Apa yang jelas, Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah menyedari mereka telah mengasimilasi pemikiran akidah al-Mu‘tazilah ke dalam pegangan mereka, oleh itu mereka memberi lebih penekanan kepada nas dan penjelasan *imamah*, *‘ismah*, *mut’ah* dan isu-isu lain, dengan cubaan mengesampingkan perincian pemikiran akidah mereka. Bukan sahaja penekanan isu-isu ini diterapkan dari sudut

dogma sahaja malah diterapkan dari sudut sambutan dan festival. Tidakkah hari-hari sambutan Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah meraikan *imamah* dan ketokohan imam berbanding meraikan suatu yang berkait dengan akidah atau kejayaan Islam?

Lihat sahaja kepada sambutan ‘*ashura*’ pada bulan Muharam, Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah menyambutnya tetapi bukan kerana obligasi dan fadilat pahalanya, sebagaimana ia disambut oleh Rasulullah SAW dan umat Islam, bahkan kerana bersedih mengenangkan kesyahidan al-Husayn di Karbala. Begitu juga sambutan *arba ‘in arba ‘in* pada 20 haribulan Safar, 40 hari selepas sambutan ‘*ashura*’, Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah menyambutnya bagi mengenangkan penjarahan terhadap ahli keluarga al-Husayn selepas kewafatannya. Sambutan ‘*id al-ghadir*’ pada 18 Zulhijjah yang meraikan perlantikan ‘Ali RA sebagai imam pertama, walhal pada hari itu tidak pernah berlaku pun sebarang sambutan oleh Baginda Nabi SAW. Sambutan ‘*id al-mubahalah*’ pada 24 Zulhijjah sempena permuafakatan yang dicapai antara *ahl al-bayt* dan orang-orang Nasrani dari Najran. Sambutan *milad al-Nabi* pada 17 Rabiulawal meraikan kelahiran Ja‘far al-Sadiq. Bukanlah Ja‘far itu nabi tetapi beginilah kebiasaan Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah menutupi kepalsuan dengan mengaburkan mata masyarakat dengan dakwaan dan kepelikan. Sama halnya dengan sambutan *nisf al-Sha‘ban* pada 15 Syaaban yang meraikan kelahiran *al-mahdi* yang mana pada hakikatnya Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah sendiri khilaf tentang kewujudannya. Semuanya berkait dengan perayaan tokoh dan tidak ada satu pun berkait dengan akidah mereka.

Justeru, jika pemikiran akidah Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah dikenali daripada sumbernya, pengkaji yang berusaha mencari hakikat pegangan aliran Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah untuk melihat bagaimana pegangan aliran tersebut atau mengenal hakikat pegangan tersebut – demi mencari kebenaran beriktikad –, dengan pengkajian dan penelitian di samping bersikap terbuka dan akur dengan kesilapan, kebenaran pemikiran

akidah aliran Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah pasti terbongkar, namun tidak ramai pengikut Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah yang boleh menerima kenyataan ini.

5.2.2 Penularan Fahaman Syiah Al-Ithna ‘Ashariyyah Oleh Kerana Kealpaan Masyarakat Islam

Menariknya tentang masyarakat Islam di Malaysia, kebanyakan mereka adalah orang awam yang rendah penguasaannya kepada soal-soal agama. Walaupun begitu, mereka mempunyai semangat yang tinggi terhadap agama Islam. Memahami semangat inilah, aliran-aliran pemikiran mengambil kesempatan ke atas mereka dalam keadaan mereka tidak sedar.

Masyarakat awam Islam yang terpengaruh dengan fahaman Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah bermula dengan simpati mereka terhadap cereka-cereka penindasan yang berlaku ke atas *ahl al-bayt*. Kemudian bertukar kepada pengisbatan *imamah ahl al-bayt*, dan akhirnya celaan dan pengingkaran terhadap tokoh-tokoh Islam yang diperakui kehebatan dan kemuliaan mereka seperti para Sahabat RA, ulama’ dan majoriti umat Islam, yang mana – pada ajaran Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah – merekalah golongan yang dengkikan *ahl al-bayt*.

Inilah keadaannya bagaimana Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah menyisipkan jarum pengaruhnya ke dalam masyarakat. Penyerapan roh *tashayyu’* ke dalam monolog yang dibentangkan dalam novel atau cerpen, mudah menarik masyarakat yang sedang membina ‘semangat agama’ mereka. Judul-judul novel seperti *Tunggu Teduh Dahulu*, *Tuhan Manusia*, *Bila Tuhan Berbicara*, *Karya Nan Indah*, *Saasatul Ibad*⁵ dan banyak lagi merupakan bukti roh *tashayyu’* telah diterapkan ke dalam pemikiran masyarakat.

⁵ Di antara karya Faisal Tehrani yang mendapat sambutan hebat di kalangan penggemar novel ‘Islamik’. Lihat dalam novel-novel ini penyurupan halus roh *tashayyu’* yang dilakukan oleh penulisnya tanpa disedari oleh pembaca yang tidak memiliki pemahaman yang luas tentang fahaman Syiah.

Penerapan ini tidak berhenti di situ sahaja, ia mengakar dan menular sehinggalah *tashayyu*‘ itu bukan lagi roh atau semangat tetapi agama yang sepatutnya dianuti dan dihayati. Dari sinilah bermulanya ajakan kepada pentafsiran semula sejarah, kritikan terhadap asas-asas akidah dan syariat Islam yang telah sabit,⁶ pengiktirafan ke atas fahaman-fahaman sesat yang telah diakui kesesatannya. Semuanya terhasil daripada kealpaan masyarakat terhadap pelajaran serta pembelajaran Islam mengikut tatanan Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah.

Jika dikatakan, paras pengaruh Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah di Malaysia masih lagi rendah, oleh itu kita masih selamat. Bagi penulis, bukan soal rendah atau tinggi pengaruh mereka. Yang penting apakah pendirian kita tentang Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah, apakah fahaman mereka sesat dan menyesatkan atau bagaimana? Sebagai individu yang berpegang dengan lunas-lunas ajaran Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah, penulis meyakini bahawa teras pegangan Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah seperti *imamah*, *‘ismah* para imam, *raj‘ah* dan lain-lain, adalah sesat dan menyesatkan. Semuanya perlu diperbetul dan diperjelaskan kepada masyarakat. Kepada pimpinan negara pula, pegangan-pegangan ini dibasmi dengan tegas dan efektif.

Pimpinan negara perlu sedar bahawa berkembangnya ajaran-ajaran sesat di tanah air ini seperti pluralisme, liberalisme, Wahabi, neo-Muktazilah, tarekat (sesat) dan lain-lain selain Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah, merupakan penanda aras, betapa kedudukan ajaran dan pengamalan Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah semakin longgar dan tidak mendapat dokongan yang kuat. Ilmuwan yang benar-benar mahir dan berada di

⁶ Dalam sebuah tulisan Rasul Ja‘faran yang berjudul *Tarikh al-Khulafa*‘, beliau telah mengisahkan bagaimana tiga khalifah yang awal Abu Bakr, ‘Umar dan ‘Uthman RA tidak terlepas daripada nasihat dan pertunjuk ‘Ali RA. Pengisahan begini jika dilihat dari spektrum sejarah yang adil, nasihat dan pertunjuk ‘Ali RA tersebut adalah nasihat dan pertunjuk seorang Sahabat Nabi SAW yang mulia, sebagaimana juga nasihat dan pertunjuk Sahabat RA yang lain. Namun, dari sudut pemahaman Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah, sakhshiah ‘Ali RA lebih berkeelayakan menjadi khalifah tapi dinafikan oleh ketiga-tiga khalifah yang mulia itu. Lihat lebih lanjut dalam Rasul Ja‘faran, *History of The Caliphs*, terj. Ali Ebrahimi (cet. ke-2, Qum: Ansariyan Publications, 2007).

atas manhaj yang sebenar, tidak diberikan peluang dan ruang yang sewajarnya, dengan alasan kurang populariti, alasan yang hanya berbau politik!

Sepatutnya ilmuwan sebegini diberi sokongan demi keselamatan akidah dan pemikiran masyarakat. Tidakkah kesesatan ajaran-ajaran sesat menyumbang kepada perpecahan umat Islam, tidakkah perpecahan itu hukumnya fasiq?

Tidak sukar sebenarnya menyokong ilmuwan Islam yang bermanhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, mereka bukan menilai berpandukan manhaj sendiri. Manhaj mereka telah diperakui zaman-berzaman. Mereka di atas landasan *sawad al-a'zam* Mazhab al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah. Pandanglah kepada pemimpin-pemimpin Islam lampau, bagaimana mereka menyokong ilmuwan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah jika pemimpin-pemimpin hari ini kabur mengenal siapa ilmuwan tersebut.

Pada penulis, meskipun negara ini – Malaysia – dijulung oleh pemimpinnya sebagai negara yang mengamalkan ajaran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, tetapi pemeraksanaan ajaran tersebut tidak mencapai tahap yang sewajarnya. Ruang yang diberikan kepada aliran-aliran pemikiran adalah sama tara dengan ruang yang diberikan kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Walaupun ia nampak saksama, namun dalam soal pemahaman dan pengamalan Islam, yang dilihat saksama ini sebenarnya tempang dan pincang. Seharusnya pemantapan ajaran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah diberi keutamaan dari aspek pendidikan dan penerapan dan bukan hanya dalam bentuk hiburan. Atau usaha membendung aliran pemikiran lain berterusan tanpa mengikut musim politik atau seruan diplomasi.

5.2.3 Peranan Institusi Pengajian Tinggi Dalam Mendepani Fahaman Syiah Al-Ithna ‘Ashariyyah

Sebagai salah satu benteng terpenting yang menghalang penularan fahaman Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah, universiti khususnya, memainkan peranan mendedahkan para pelajar dan masyarakat tentang kerancuan ajaran dan fahaman Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah. Pendedahan ini pula tidak sepatutnya lahir dari sikap prejudis kerana ia bukan sahaja menolak ajaran dan fahaman Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah malah menolak pengamalan tradisi umat Islam di negara ini seperti sambutan *mawlid al-Nabi*, ‘*ashura*’, *hawl*, *nisf al-sha‘ban* dan lain-lain – yang memiliki nas yang mengabsahkannya. Pendedahan sepatutnya lahir dari sikap jujur dan adil mencari kebenaran yang mampu diterima oleh neraca akal yang sihat.

Selama menghasilkan kajian ini, penulis dapati berbagai pendekatan diambil oleh agamawan mendepani fahaman dan ajaran Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah. Ramai di kalangan mereka hanya melihat nas-nas – yang dianggap mentah oleh Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah – dan kemudian menggunakannya sebagai hujahan dan tujahan ke atas Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah. Hal ini tidak menatijahkan kecuali herdikan dan ejekan daripada individu yang arif tentang fahaman dan ajaran Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah atau pendokongnya yang tegar dan berilmiah.

Nas tentang *imamah* sebagai contoh, terdapat sudut yang difahami Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah benar diakui oleh ilmuwan Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah. Perkara ini tidak sepatutnya dinafikan kerana ia bukan sahaja meragut kewibawaan penentang Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah malah menghumban kewibawaan penentang tersebut ke lembah nifak. Begitu juga pentafsiran yang bersifat ‘*irfan* yang dianggap oleh Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah sebagai tahap tertinggi pengetahuan dalam agama. Jika pentafsiran ini tidak didepani dengan penguasaan ilmu tasawuf yang sahih, maka bagi Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah, penentang mereka hanyalah ‘kail yang panjang sejengkal’.

Oleh itu, pendekatan yang perlu diambil diperingkat universiti dalam mendepani fahaman dan ajaran Syiah al-Ithna ‘Ashariyyah ialah pendekatan ilmiah yang dilakukan oleh mereka yang benar-benar berkemampuan melakukannya. Untuk itu, penulis menyarankan agar pengkajian terhadap Syiah umumnya dilakukan dengan lebih banyak lagi oleh pengkaji-pengkaji. Bahkan pihak universiti perlu menggalakkan para pelajar mendalami tentang fahaman dan ajaran Syiah. Mungkin inilah satu-satunya wadah yang realistik, yang tidak perlu menantikan tindakan ahli politik atau sumbangan konglomerat dalam memelihara institusi agama Islam dan Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah di negara ini. Semoga kajian yang dihasilkan ini menjadi sebahagian usaha pemeliharaan tersebut. *Wallahu a‘lam.*⁷

Hasbiyallah wa ni‘mal wakil...

⁷ Selesai, Dhuha, 20 Ramadhan 1436H. 7 Julai 2015M.